



14 Julai 2017  
14 July 2017  
P.U. (A) 198

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (PENGANGKUTAN PERDAGANGAN) (PINDAAN) 2017

### *MOTOR VEHICLES (COMMERCIAL TRANSPORT) (AMENDMENT) RULES 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR  
(PENGANGKUTAN PERDAGANGAN) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 56(1)(d) dan (h) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pengangkutan Perdagangan) (Pindaan) 2017.**

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2017.

**Kaedah baharu 10A**

2. Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pengangkutan Perdagangan) 1959 [L.N. 175/1959], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 10 kaedah yang berikut:

“Driver’s card                  10A. (1) When a licence has been granted in respect of a public service vehicle to operate within Sabah, the licence holder shall apply for every driver of the vehicle a driver’s card.

(2) The driver shall carry the driver’s card at all times during which the driver is driving the public service vehicle.

(3) The fee to be charged for a driver’s card shall be as specified in item 5G of the Fifth Schedule.”.

**Pindaan Jadual Kelima**

3. Jadual Kelima kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda di bawah kepala “PART II—SABAH”—

(a) dalam butiran 1A, di bawah ruang “*Amount of Fee*”, dengan menggantikan perkataan “10 00” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “20 00”;

(b) dengan menggantikan butiran 5 dengan butiran yang berikut:

“5. For supplying—

(a)	a duplicate license for license	300 00
	that is lost	

(b)	a duplicate license for license	20 00”;
	that is destroyed, defaced or the	
	particulars thereof have	
	become illegible	

(c) dalam butiran 5A, di bawah ruang “*Amount of Fee*”, dengan menggantikan perkataan “20 00” dengan perkataan “30 00”;

(d) dalam butiran 5B—

(i) dalam subbutiran (a), (c), (d), (e), (g), (h) dan (j), di bawah ruang “*Amount of Fee*”, dengan menggantikan perkataan “20 00” dengan perkataan “30 00”; dan

(ii) dalam subbutiran (f), (i) dan (k), di bawah ruang “*Amount of Fee*”, dengan menggantikan perkataan “10 00” dengan perkataan “30 00”;

(e) dalam butiran 5C, di bawah ruang “*Amount of Fee*”, dengan menggantikan perkataan “50 00” dengan perkataan “100 00”;